



HADIS-HADIS SAHIH BERKAITAN PERLAKUAN

(LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER)

OLEH:

Mohd Izwan bin Md Yusof
Muhsin bin Abdul Kadir
Mazlan bin Ibrahim
Khadher bin Ahmad
&
Murshidi bin Mohd Noor

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Disusun Oleh : Saiful Azhar bin Saadon



GB

"Katakanlah (Wahai Muhammad):
"Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui
batas terhadap diri mereka sendiri (dengan
perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu
berputus asa dari rahmat Allah, kerana
sesungguhnya Allah mengampunkan segala
dosa; Sesungguhnya Dia lah juga Yang Maha
Pengampun, lagi Maha Mengasihani"

al-Zumar 39 : 53

2015



ISI KANDUNGAN

HALAMAN

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

i

PENDAHULUAN

01

DEFINISI LGBT DAN PERSEPSI PENDOKONG LGBT
MUSLIM DI BARAT TERHADAP AL-QUR'AN DAN AL-HADITH

02

HADITH-HADITH BERKENAAN LGBT

05

SUMBER DAN KEDUDUKAN HADITH BERKENAAN
PERLAKUAN SONGSANG LGBT

06

TAKHRIJ DAN FIQH HADITH SAIH BERKENAAN PERLAKUAN LGBT

07

INTIPATI PERBAHASAN

18

KESIMPULAN

19

RUJUKAN

20

KATA ALUAN KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerena dengan keizinanNya Jakim dapat menerbitkan risalah bertajuk 'Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan Lesbian, Gay, Biseksual, Dan Transgender (LGBT) ini.

Gejala LGBT merupakan sebahagian daripada permasalahan sosial serta wabak yang melanda dunia. Malaysia tidak terkecuali daripada permasalahan tersebut dan bangsa Melayu beragama Islam secara umumnya dikenalpasti turut terlibat dalam permasalahan ini.

Bagi menangani isu ini, Jakim mengambil pendekatan mendekati golongan ini dengan melaksanakan aktiviti temuseru (*outreach*) ke kawasan yang dikenalpasti serta menarik minat mereka untuk mengikuti program '*Ilaj Wa Syifa'* (rawatan dan pemulihan) yang dianjurkan oleh Jakim. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Teras 4, Strategi Keempat, Pelan Strategik Jakim 2015-2019 yang bertujuan memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara syumul bagi melahirkan khaira ummah.

Selain program-program yang dilaksanakan, Jakim mengambil inisiatif menerbitkan bahan penerbitan berkaitan gejala LGBT untuk disebarluaskan bagi memberi lebih pengetahuan dan kesedaran sama ada kepada golongan yang terlibat ataupun masyarakat di pelbagai peringkat. Perkara ini juga selaras dengan Teras 4, Strategi Pertama, Pelan Strategik Jakim 2015-2019 iaitu memantapkan dan mempelbagaikan isi kandungan agama dalam media cetak, elektronik dan media baru.

Gejala LGBT ini perlu diperjelaskan melalui perspektif agama termasuklah perspektif hadis kerana ia menjadi sumber kedua dalam Islam disamping al-Quran. Kejahilan atau salah tafsiran terhadap hukum menyebabkan segelintir masyarakat menganggap gejala LGBT sebagai suatu norma kehidupan serta hak kebebasan individu. Justeru penyebaran risalah ini adalah suatu medium dakwah yang berkesan dan merangkumi segenap lapisan masyarakat kerana diterbitkan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.


Penerbitan risalah ini juga diharap dapat memberikan pengetahuan, pemahaman, dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan perlakuan LGBT berdasarkan hadis-hadis saih.

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

PENDAHULUAN

OLEH:

MOHD IZWAN BIN MD YUSOF ¹, MUHD NAJIB BIN ABDUL KADIR ²,
MAZLAN BIN IBRAHIM ³, KHADHER BIN AHMAD ⁴ & MURSHIDI BIN MOHD NOOR ⁵



Sebbarang permasalahan yang menimpa umat manusia perlu dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadith sebagai panduan yang utama. Ini kerana, hadith sebagai sumber kedua dalam Islam telah mengambil ruang yang sangat besar dalam budaya tamadun umat Islam sejak zaman Nabi s.aw. dan para sahabat sehingga kini, sama ada dalam bidang aqidah, ibadah, akhlak dan mu'amalat.⁶ Bahkan, Imam Ahmad menegaskan bahawa satu-satunya jalan untuk mempelajari fiqh Islam dan syariatnya ialah melalui hadith. Mereka yang berpandangan hanya mencukupi dengan al-Qur'an tanpa hadith, dalam usaha memahami ayat-ayat al-Qur'an dan mengetahui syariatnya, maka perjalannya sesat dan tidak akan mencapai maksud yang dikehendakinya.⁷ Justeru, perbuatan homoseksual (liwat dan al-sihaq) serta transgender atau perbuatan wanita menyerupai lelaki dan lelaki menyerupai wanita (al-mutasyabbih) turut dibincangkan di dalam al-Hadith.

¹ Calon Doktor Falsafah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam UKM. Emel: jayabumi04@yahoo.com

² Prof. Dr. di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam UKM. Emel: abunaseh@ukm.my

³ Prof. Madya Dr. di Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam UKM. Emel: mazib@ukm.my

⁴ Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: khadher82@um.edu.my.

⁵ Pensyarah di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Emel: kap6994_murshid@yahoo.com.

⁶ Abdul Haye Abdul Sukor, 2003. Islam Dalam Sabda. Kuala Lumpur : Al-Amani Publishers. p.V.

⁷ Mustafa Abdul Rahman, 2008. Hadith 40 : Terjemahan dan Syarahnya. Selangor : Dewan Pustaka Fajar. p. 12.

Permasalahan kecelaruan seksual dan jantina, yang merujuk kepada komuniti Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender (LGBT) bukan merupakan isu baru. Sebaliknya, Allah SWT telah menjelaskan tentang permasalahan homoseksual yang berlaku di kalangan umat Nabi Lut a.s. Perbuatan homoseksual tersebut jelas merupakan perkara yang keji sebagaimana firmanNya pada ayat 80-84, Surah al-A'raf yang bermaksud:

"Dan Nabi Lut (juga Kami utuskan). Ingatlah tatkala dia berkata kepada kaumnya "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu?". "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". Dan tiada jawapan oleh kaumnya melainkan mereka berkata "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensusikan diri. Maka Kami selamatkan dia dan ahlinya (keluarganya dan pengikutnya) melainkan isterinya, adalah dia tergolong dalam orang-orang yang dibinasakan. Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan".

Ayat di atas jelas menggambarkan perilaku umat Nabi Lut a.s. yang mengalami masalah kecelaruan seks apabila memiliki kecenderungan untuk melakukan hubungan intim dengan kaum sejenis iaitu lelaki bersama lelaki dan perempuan bersama perempuan. Orientasi seksual yang dilakukan sesama pasangan sejenis atau homoseksual disebut di dalam hadith dengan istilah liwat (homoseksual) dan al-sihaq (lesbian)⁸. Di dalam ayat al-Qur'an tersebut, Allah menggambarkan azab yang menimpa ke atas kaum Nabi Lut a.s. iaitu kaum Sodom dan kaum Amoro, suatu daerah di negeri Syam⁹.

DEFINISI LGBT DAN PERSEPSI PENDOKONG LGBT MUSLIM DI BARAT TERHADAP AL-QUR'AN DAN AL-HADITH

Menurut Blanch Consulting, lesbian merujuk kaum perempuan yang tertarik (secara seksual atau romantiknya) terhadap perempuan yang lain. Gay pula merujuk kepada kaum lelaki yang tertarik (secara seksual atau romantiknya) terhadap lelaki yang lain. Sementara itu, biseksual merujuk kepada seseorang yang tertarik (secara seksual atau romantiknya) terhadap lelaki dan perempuan. Manakala, transgender pula merujuk kepada seseorang yang identiti jantina atau ekspresi jantinanya berlawanan atau bertentangan dengan norma tradisi serta ciri fizikal seksualnya¹⁰.

⁸ Abdul Mustaqim. 2011. *Kisah al-Qur'an : Hakikat, Makna dan Nilai-Nilai Pendidikannya*. Yogyakarta. Jurnal Ulumuna, Volume XV, Bil.2. p.265-290.

⁹ Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. 1995. *Jam' al-Bayan 'an Ta'wil Ayat al-Qur'an*, Juz 1. Beirut : Dar al-Fikr, p. 304.

¹⁰ Blanch Consulting. 2003. *Definition of LGBT*. Sagepub UK : Journal of Homosexuality, p.2.

Sepanjang penelitian oleh pengkaji, wujud kecenderungan di kalangan ilmuan dan pengamal LGBT Muslim khususnya di Barat yang menyokong perbuatan homoseksual, menggunakan ayat-ayat al-Qur'an, khususnya yang menceritakan tentang kisah umat Nabi Lut a.s. dengan memberikan pentafsiran baru yang ternyata menyeleweng daripada pentafsiran yang muktabar. Ini dibuktikan berdasarkan pandangan Amreen Jamal yang mengkritik pentafsiran ayat berkaitan umat Nabi Lut a.s. yang disebut sebanyak 14 tempat di dalam al-Quran (misalnya 6:85-87, 38:11-14, 54:33-40) yang kononnya mengharlamkan homoseksual, sebaliknya menegaskan di antara punca umat Nabi Lut a.s. diazab kerana berlakunya keganasan seksual¹¹. Pandangan ini disokong oleh Malik¹², Nahas¹³, dan Shahrur¹⁴.



Pada waktu yang sama, mereka menolak hadith untuk dijadikan sumber hukum di dalam Islam yang melarang perlakuan LGBT. Ini kerana, mereka berhujah bahawa pengumpulan hadith pada zaman Nabi s.a.w. dan para sahabat masih boleh dipertikaikan oleh pemikir

"Pada waktu yang sama, mereka menolak hadith untuk dijadikan sumber hukum di dalam Islam yang melarang perlakuan LGBT."

¹¹ A. Jamal. 2001. *The Story of Lot and the Qur'an's Perception of the Morality of Same-sex Sexuality*. UK : Journal of Homosexuality 41 (1). p.1-88.

¹² Malik. 2004. *Queer Sexuality and Identity in the Quran and Haditp*. URL: <http://www.well.com/user/aquarius/Qurannotes.htm>. Beliau menjelaskan bahawa pentafsiran klasik berkaitan pengharaman homoseksual perlu dinilai dan diberi pentafsiran baru, seiring dengan keterbukaan masyarakat pada masa kini yang dapat menerima perlakuan homoseksual.

¹³ O.Nahas, 2004. *Islamic Studies on Homosexuality*. URL : http://www.yoesuf.nl/engels/islamic_studies.html). Beliau menegaskan dosa homoseksual tidak seberat dosa zina dan punca umat Nabi Lut a.s. diazab kerana berlakunya keganasan seksual.

¹⁴ M Sharur. 2009. *The Quran Morality and Critical Reason : The Essential Muhammad Shahrur*. Translation and ed. By A. Christmann. Leiden:Brill. p.204. Beliau menegaskan al-Qur'an tidak menzahirkan larangan kegiatan homoseksual yang dilakukan secara tersembunyi. Bahkan mempunyai perasaan dan hubungan sesama pasangan sejenis tidak salah, selagi perlakuan seks di tempat umum dielakkan.



Islam yang progresif masa kini. Ketidaktentuannya dan percanggahan yang berlaku di dalam hadith, menyebabkan kelayakannya sebagai sumber hukum di dalam Islam boleh dipertikai. Justeru, tidak hairan hukuman yang berunsur kebencian kepada perlakuan LGBT meliputi homoseksual dan transgender yang diambil dari hadith, dilihat mendominasi keadaan.¹⁵

Ia dilihat oleh ilmuan dan pendokong LGBT Muslim sebagai bertentangan dengan sifat mulia Rasulullah SAW yang digambarkan di dalam al-Qur'an. Oleh itu, mereka mempertikaikan adakah benar Baginda SAW pernah mengeluarkan arahan sedemikian di dalam sabdanya.¹⁶

Terdapat banyak hadith berkaitan larangan perlakuan LGBT yang dipertikaikan oleh ilmuan dan pendokong LGBT Muslim, namun begitu pengkaji hanya akan meneliti beberapa hadith berkaitan larangan homoseksual (*liwat*), lesbian (*al-sihaq*) dan transgender (*al-mutasyabbih*) yang didakwa tidak selari dengan ajaran Islam, sedangkan para muhaddithin menegaskan bahawa hadith tersebut adalah hadith yang sahih, dan menjadi sumber hukum yang menjadi dalil syarak, selain al-Qur'an yang melarang perlakuan LGBT.

***"Mereka
mempertikaikan
adakah benar Baginda
SAW pernah
mengeluarkan arahan
sedemikian di dalam
sabdanya."***

¹⁵ Muhsin Hendricks. 2010. *The Equal Rights Review*, Vol.Five, p. 33. Beliau merupakan seorang Imam di Afrika Selatan dan pengasas kepada pertubuhan The Inner Circle yang bertujuan membela hak komuniti LGBT Muslim di Cape Town, Afrika Selatan. Beliau juga mengaku beliau adalah seorang gay. Sila rujuk Bjorn Krondorfer. 2011. *Diversity of Sexuality in Islam*, p. 2

¹⁶ ibid. p.33.

HADITH-HADITH BERKENAAN LGBT

Dalam meneliti hadith-hadith yang berkaitan dengan Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender (LGBT) ini, sebenarnya terdapat banyak hadith yang secara jelas menerangkan larangan dan ancaman terhadap golongan ini. Bagi memudahkan lagi perbincangan, pengkaji menyenaraikan hadith dan seterusnya menjelaskan fokus perbincangan hadith-hadith tersebut yang berkaitan dengan LBGT. Rujuk pada jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0: Hadith-Hadith Sahih Berkenaan Perlakuan Songsang LGBT

Bil.	Atrah Hadith	Fokus Perbincangan Hadith (Golongan Songsang/Luar Tabii)			
		Lesbian	Gay	Biseksual	Transgender
1.	لَا تَنْبِهُنَّ أَطْرَافَ الْمَرْأَةِ إِذَا وَجَدْتُمُوهُنَّ مُنْكَرِيَنَّ لِلْعِصَمِ	/	/		
2.	وَرَجُلُنَّ أَلَا يَرْجِعَ إِذَا حِلَقَ				
3.	مِنْ وَحْشَةٍ يَنْهَا عَنْ نَفْسِهِ لِرَبِّهِ فَلَمَّا قَاتَاهُ الْمَوْتُ		/		
4.	وَالْمَغْرُوبُ بِهِ أَنَّ اللَّهَ مِنْ عِنْدِهِ أَنْوَهُ		/		
5.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْتَشَرَتْ مِنْ				
	الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالنِّسَاءِ بِالرِّجَالِ				
6.	أَنَّهُمْ أَنْتَلُوا مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَأَنَّهُمْ أَنْتَلُوا مِنْ جَنَاحِهِمْ			/	
	وَأَنَّهُمْ أَنْتَلُوا مِنْ أَنْفُسِهِمْ بِالْأَنْوَافِ مِنْ حَيْثُ شَاءُوا				
	وَأَنَّهُمْ أَنْتَلُوا مِنْ أَنْفُسِهِمْ بِالْأَنْوَافِ				
7.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْتَلَنَّ أَنْفَسَهُمْ			/	
	وَأَنْتَلَوْهُمْ أَنْفَسَهُنَّ أَنْفَسَهُمْ				



SUMBER DAN KEDUDUKAN HADITH BERKENAAN PERLAKUAN SONGSANG LGBT

Jadual 2.0: Penjelasan Tentang Sumber dan Taraf Hadith-Hadith Sahih Berkenaan Perlakuan Songsang LGBT

Bil.	Atraf Hadith	Sumber Hadith	Taraf Hadith
1.	لا تجدر المرأة بمرأة ولا زناها، ولا تجدر الرجل الرجل إلا بمن يزناه	Al-Mujam al-Awsat oleh al-Tabarani	Sahih
2.	من وعثت بها يقتل مثل قتل زوجها، فلذلك طلاقها، ويُشغله به	Sunan Abu Dawud, al-Jami' Tirmidhi, Sunan Ibn Majah, Al-Mujam al-Kabir oleh al-Tabarani, Musnad Imam Ahmad dan al-Mustadrak oleh al-Hakim	Sahih
3.	عن الله من سبب فتن فتنه أوط	Musnad Imam Ahmad & al-Mustadrak oleh al-Hakim	Sahih
4.	عن رسول الله صلى الله عليه وسلم المحدثون من ترمذ وشافع، والشافعية من النساء، والزماني	Sahih al-Bukhari, Sunan Abi Dawud, Sunan Ibn Majah dan Musnad Imam Ahmad	Sahih
5.	عن النبي صلى الله عليه وسلم المحدثون من الرجال والشافعية من النساء، وقال المحدثون من شافع وأبي حنيفة وأبي حميد ثقة ثقة	Sahih al-Bukhari dan Musnad Imam Ahmad	Sahih
6.	أشدك لا يهم ألم سنتك منه الله في أبي آدم بالقطع إنه ألم طلاقت من النساء على يد قاتل	Sahih al-Bukhari	Sahih
7.	عن رسول الله صلى الله عليه وسلم إنما يقتل المرأة والمرء لفسق انتقاماً من زوجها	Sunan Abi Dawud dan Sunan al-Nasa'i	Sahih

Sebelum penjelasan lanjut terhadap hadith-hadith yang disenaraikan sebelum ini, adalah sangat wajar diteliti sumber dan kedudukan hadith - hadith tersebut. Berdasarkan kepada carian dan rujukan terhadap sumber-sumber utama hadith, didapati bahawa terdapat pelbagai sumber yang dapat dirujuk untuk mendapatkan penjelasan daripada hadith tentang golongan LGBT ini. Jadual 2.0 di sebelah secara ringkas menyebutkan sumber terhadap hadith-hadith yang disenaraikan sebelum ini.

Merujuk kepada jadual 2.0 ini, pengkaji melihat bahawa hadith-hadith mengenai LGBT boleh diperolehi daripada pelbagai sumber atau kitab-kitab utama hadith sama ada daripada sumber yang diperakui kesahihan hadith dan martabatnya.

TAKHRIJ DAN FIQH HADITH SAHIH BERKENAAN PERLAKUAN LGBT

B

erhubung dengan perbincangan terhadap hadith, pengkaji akan membahaskan secara ringkas terhadap fokus perbincangan bagi setiap hadith yang telah disenaraikan. Sebahagian hadith menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan golongan LBGT ini. Bahkan, terdapat juga hadith yang secara fokus tertumpu terhadap sesuatu isu sahaja.

Hadis Pertama

Daripada Abu Musa al-Ash'ari r.a. berkata, Nabi s.a.w. bersabda:

لَا تُبَاشِرُ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ إِلَّا وَهُمَا زَانِيَتَانِ،
وَلَا يُبَاشِرُ الرَّجُلُ الرَّجُلَ إِلَّا وَهُمَا زَانِيَانِ

Maksudnya: “Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina.”¹⁷

¹⁷ Hadith riwayat al-Tabarani dalam *al-Mu'jam al-Awsat* [no.hadith 4157] dan al-Bayhaqi dalam *Su'ab al-Iman* [no.hadith 5075]. Lihat Sulayman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabarani (1415H), *al-Mu'jam al-Awsat* ditahqiqkan oleh Tariq bin 'Aud Allah bin Muhammad dan 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini, al-Qahirah: Dar al-Haramain, j.4, p.266 dan Abu Bakr Ahmad bin al-Husain al-Bayhaqi (1410H), *Shu'ab al-Iman*, ditahqiqkan oleh Muhammad al-Sa'id Basyuni Zaghlul, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alami, j.7, p.324.

Hadith ini terdapat di dalam karya *al-Mu'jam al-Awsat*,¹⁸ dan *Musnad Ahmad*.¹⁹ Menurut Shu'ayb al-Arna'ut, hadith ini berstatus *sahih*, tetapi sanadnya terputus.²⁰ Oleh yang demikian, hadith ini adalah berstatus *sahih* walaupun dikatakan sanadnya terputus, kerana hal sebegini tidak memberikan apa-apa kesan kepada kesahihan matannya.

Hadith ini menjelaskan tentang hukum wanita bersedap-sedapan (termasuk bersetubuh) dengan wanita lain dan lelaki yang mendatangi lelaki lain. Kedua-dua jenis perlakuan ini dinamakan sebagai golongan lesbian (bagi sesama wanita) dan gay (bagi sesama lelaki) atau disebutkan juga golongan homoseksual. Kedua-dua perbuatan terkutuk ini adalah termasuk dalam kategori zina.

Hadis Kedua

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمٍ
لُوطٍ فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ.

Maksudnya : “Jika kamu dapati seseorang melakukan amalan kaum Lut, bunuhlah pelaku dan orang yang dilakukan perlakuan itu.”

Hadith ini terdapat di dalam karya *Sunan al-Bayhaqi*,²¹ *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihayn*,²² *al-Muntaqa Li Ibn al-Jarud*,²³ *Sunan Abi Dawud*,²⁴ *Sunan Ibn Majah*,²⁵ *Sunan al-Tirmidhi*,²⁶ *Sunan al-Daraqutni*,²⁷ *Musnad Abi Ya'la*,²⁸ dan *Musnad Ahmad Bin Hanbal*.²⁹

¹⁸Sulayman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabarani (1415H), *op.cit.*, no. hadith 4157, j.4, p.266.

¹⁹ Ahmad Bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Shaybani (t.t.), *Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal*, no. hadith 10460, j. 2. al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah, p. 497.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Sulayman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabarani (1415H), *op.cit.* , j. 2, p. 469.

²² Muhammad Bin 'Abd Allah Abu 'Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi (1990), *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihayn, Kitab al-Hudud*, no. hadith 8047, j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, p. 395.

²³ 'Abd Allah Bin 'Ali Bin al-Jarud Abu Muhammad al-Naysaburi (1988), *al-Muntaqa Min al-Sunan al-Musannadah, Bab Fi al-Hudud*, no. hadith 820. Beirut: Mu'assasah al-Kitab al-Thaqafiyah, p. 208.

²⁴ Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi (t.t.), *Sunan Abi Dawud, Kitab al-Hudud*, no. hadith 4462, j. 2. (T.t.p.): Dar al-Fikr, p. 564.

²⁵ Muhammad Bin Yazid Abu 'Abd Allah al-Qazwayni (t.t.), *Sunan Ibn Majah, Kitab al-Hudud*, no. hadith 2561, j. 2. Beirut: Dar al-Fikr, p. 856.

²⁶ Muhammad Bin 'Isa Abu 'Isa al-Tirmidhi al-Sulami (t.t.), *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Hudud*, no. hadith 1456, j. 4. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, p. 57.

²⁷ Ali Bin 'Umar Abu al-Hasan al-Daraqutni al-Baghdadi (1966), *Sunan al-Daraqutni, Kitab al-Hudud Wa al-Diyat Wa Ghayrihi*, no. hadith 140. Beirut: Dar al-Ma'rifah, p. 124.

²⁸ Ahmad Bin 'Ali Bin al-Muthanna Abu Ya'la al-Musili al-Tamimi (1984), *op.cit.*, j. 4, p. 348.

²⁹ Ahmad Bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Shaybani (t.t.), *Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal*, no.hadith 2732, j.1.al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah, p. 300.

Menurut al-Hakim, hadith ini mengandungi sanad yang sahih, tetapi tidak diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Ia mempunyai shahid yang menyokongnya. Menurut al-Dhahabi,³⁰ status hadith ini adalah *sahih*. Al-Albani mengatakan bahawa hadith ini berstatus *hasan sahih*.³¹ Namun begitu, ketika mengulas hadith yang terdapat di dalam *Sunan Ibn Majah*, al-Albani³² mengatakan hadith ini berstatus *sahih*. Menurut Husayn Salim Asad,³³ kesemua *rijal* yang terdapat pada sanad hadith adalah dalam kategori *sahih*. Namun begitu, ketika Shu'ayb al-Arnau't³⁴ menganalisis hadith yang terdapat di dalam karya *Musnad Ahmad*, beliau mengatakan bahawa status hadith ini adalah *da'if*.



³⁰ Beliau merupakan penganalisis kepada status hadith yang terdapat di dalam karya *al-Mustadrak*. Lihat Muhammad Bin 'Abd Allah Abu 'Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi (1990), *op.cit.*, j. 4, p. 395.

³¹ Beliau merupakan penganalisis hadith-hadith yang terdapat di dalam karya *Sunan Abi Dawud*. Lihat Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi (t.t.), *op.cit.*, j. 2, p. 564.

³² Beliau merupakan penganalisis hadith-hadith yang terdapat di dalam karya *Sunan Ibn Majap*. Lihat Muhammad Bin Yazid Abu 'Abd Allah al-Qazwayni (t.t.), *op.cit.*, j. 2, p. 856.

³³ Beliau merupakan pentahqiq kepada karya *Musnad Abi Ya'la*. Lihat Ahmad Bin 'Ali Bin al-Muthanna Abu Ya'la al-Musili al-Tamimi (1984), *op.cit.*, j. 4, p. 348.

³⁴ Beliau merupakan penganalisis kepada hadith-hadith yang terdapat di dalam *Musnad Ahmad*. Lihat Ahmad Bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Shaybani (t.t.), *op.cit.*, j. 1, p. 300.

Menurut pengkaji, kemungkinan dikatakan *da'if* oleh beliau adalah disebabkan terdapat perawi yang bernama 'Amru bin Abi 'Amru pada sanad hadith riwayat Imam Ahmad, dikritik oleh sebahagian ulama akan *kedabitannya*.³⁵ Bagi pengkaji, walaupun perawi ini dikritik oleh sebahagian ulama, tetapi bagi sebahagian ulama yang lain menerima periyawatan beliau.³⁶ Oleh itu, *keda'ifan* perawi ini masih dalam perselisihan di kalangan ulama. Hukumnya berbeza dengan *keda'ifan* yang tiada *khilaf* di kalangan ulama, kerana *keda'ifan* yang masih ada *khilaf* itu lebih ringan berbanding *keda'ifan* yang tiada *khilaf* di kalangan ulama. Oleh yang demikian, pengkaji membuat kesimpulan bahawa hadith yang dikemukakan ini berstatus *sahih*, memandangkan sanad dan matannya yang dihukumkan *sahih* oleh kebanyakan ulama.

Hadith di atas menyatakan tentang larangan perlakuan seperti kaum Nabi Lut a.s. iaitu melakukan hubungan seks sesama lelaki atau homeseksual serta hukuman bunuh terhadap kedua-dua pelakunya.

Al-Khattabi dalam *Ma'alim al-Sunan* mengatakan bahawa perbuatan kaum Nabi Lut ini dihukum dengan sedemikian berat kerana seolah-olah para fuqaha' merujuk kepada maksud di sebalik seksaan dan azab Allah SWT yang telah menghujani batu ke atas kaum Lut sehingga mereka terbunuh semuanya. Sedangkan diperintahkan bunuh orang yang mengajak melakukan perbuatan itu adalah merujuk kepada makna di dalam syariat, iaitu mati disebabkan oleh hukuman rejam dengan batu bagi pelaku yang telah berkahwin. Manakala pelaku yang belum berkahwin disebat sebanyak 100 kali sebatan, tetapi tidak dibunuh. Pendapat ini merujuk kepada pandangan Sa'd bin al-Musayyab, 'Ata' bin Abi Rabah, al-Nakha'i, al-Hasan dan Qatadah. Bahkan ia adalah pandangan yang kuat dalam mazhab al-Shafi'i.³⁷

**Manakala
pelaku yang belum
berkahwin disebat
sebanyak 100 kali
sebatan, tetapi
tidak dibunuh.**

³⁵ Misalnya Yahya bin Ma'in mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh 'Amru bin Abi 'Amru adalah *da'if*. Lihat Yusuf Bin al-Zaki 'Abd al-Rahman Abu al-Hujjaj al-Mizzi (1980), *Tahdhib al-Kamal*, j. 22. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, p. 168-169.

³⁶ Misalnya Imam Ahmad bin Hanbal yang meriwayatkan sendiri hadith ini, menerima periyawatan perawi ini dengan mengatakan bahawa riwayat yang datang daripada perawi ini adalah tidak mengapa. Lihat ibid., p. 168.

³⁷ Abu Sulayman Hamad bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Khattab al-Busti al-Khattabi (1351H/1932M), *Ma'alim al-Sunan*, Halab: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah, j.3, p.332.

Hadis Ketiga

...لَعْنَ اللَّهِ مَنْ وَقَعَ عَلَى بَهِيمَةٍ، لَعْنَ اللَّهِ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمٍ لُوطٍ
عَمَلَ قَوْمَ لُوطٍ، لَعْنَ اللَّهِ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمَ لُوطٍ تَلَاثًا

Maksudnya: "...Allah melaknat sesiapa yang mendatangi binatang, Allah melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut, melakukan perbuatan kaum Nabi Lut." (Nabi SAW menyebutkan tiga kali). ³⁸

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi di dalam karyanya *al-Sunan*³⁹ dan *Sha'b al-'Iman*,⁴⁰ al-Tabrani di dalam karyanya *al-Mu'jam al-Kabir*,⁴¹ al-Nasa'i di dalam karyanya *al-Sunan al-Kubra*,⁴² Abu Ya'la di dalam karyanya *Musnad Abi Ya'la*,⁴³ Imam Ahmad di dalam karyanya *Musnad Ahmad*,⁴⁴ dan 'Abdun bin Humayd di dalam karyanya *Musnad 'Abdun Bin Humayd*.⁴⁵

Bagi sanad hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i, beliau mengatakan bahawa terdapat perawi yang bernama 'Amru yang tidak kuat dalam periyawatan hadith. Namun menurut al-Nasa'i, sanad hadith ini terdapat mutaba'ahnya melalui saluran sanad daripada Khalid bin Makhlad daripada Sulayman bin Bilal daripada 'Amru.⁴⁶ Walaupun demikian, bagi Husayn Salim Asad⁴⁷ dan Shu'ayb al-Arnau't⁴⁸, ketika mereka masing-masing menganalisis sanad hadith yang terdapat dalam karya *Musnad Abi Ya'la* dan *Musnad Ahmad*, mereka mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *sahih*.

³⁸ Hadith riwayat Ahmad dalam *al-Musnad* [no.hadith 2913], dan al-Hakim dalam *al-Mustadrak* [no.hadith 8052]. Lihat Ahmad bin Hanbal (1421H/2001M), *op.cit.*, j.5, p.83 dan al-Hakim (1411H/1990M), *op.cit.*, j.4, p.396.

³⁹ Abu Bakr Ahmad Bin al-Husayn Bin 'Ali al-Bayhaqi (1344 H), *op.cit.*, *Kitab al-Hudud*, no. hadith 17473, j. 2, p. 466.

⁴⁰ Abu Bakr Ahmad Bin al-Husayn al-Bayhaqi (1410 H), *op.cit.*, no. hadith 5373, j. 4, p. 354.

⁴¹ Sulayman Bin Ahmad Bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabrani (1983), *al-Mu'jam al-Kabir*, c. 2, *Bab al-'Ayn*, no. hadith 11546, j. 11. al-Musil: Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam, p. 218.

⁴² Ahmad Bin Shu'ayb Abu 'Abd al-Rahman al-Nasa'i (1991), *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*, *Kitab al-Rajm*, no. hadith 7337, j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, p. 322.

⁴³ Ahmad Bin 'Ali Bin al-Muthanna Abu Ya'la al-Musili al-Tamimi (1984), *op.cit.*, no. hadith 2539, j. 4, p. 414.

⁴⁴ Ahmad Bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Shaybani (t.t.), *Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal*, no. hadith 2817.j.1.al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah, p. 309.

⁴⁵ 'Abdun Bin Humayd Bin Nasr Abu Muhammad al-Kassi (1988), *al-Muntakhab Min Musnad 'Abdun Bin Humayd*, no. hadith 589. al-Qahirah: Maktabah al-Sunnah, p. 203.

⁴⁶ Ahmad Bin Shu'ayb Abu 'Abd al-Rahman al-Nasa'i (1991), *Op.cit.*, j. 4, p. 322.

⁴⁷ Ahmad Bin 'Ali Bin al-Muthanna Abu Ya'la al-Musili al-Tamimi (1984), *Op.cit.*, j. 4, p. 414.

⁴⁸ Ahmad Bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Shaybani (t.t.), *Op.cit.*, j. 1, p. 309.

Kemungkinan mereka mengatakan *sahih* kerana perawi hadith yang bernama 'Amru yang dikritik oleh al-Nasa'i, diperselisihkan di kalangan ulama akan kethiqahannya. Misalnya Abu Zur'ah al-Razi mengatakan bahawa perawi ini adalah *thiqah*.⁴⁹ Oleh yang demikian, pandangan Abu Zur'ah al-Razi dan ramai lagi adalah berbeza dengan pandangan yang dikemukakan oleh al-Nasa'i mengenai 'Amru. Justeru, pandangan yang lebih tepat ialah pandangan yang mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *sahih*.



Hadith ini juga menyebutkan tentang perlakuan kaum Nabi Lut a.s. iaitu homoseksual (liwat). Walau bagaimanapun di dalam hadith ini, Nabi SAW menyebutkan lakinat Allah terhadap golongan atau sesiapa yang melakukan perbuatan sepertimana telah dilakukan oleh kaum Nabi Lut a.s. itu. Bahkan, termasuk dalam lakinat Allah adalah golongan yang melakukan seks dengan binatang.

Dapat dirumuskan bahawa, hadith pertama hingga hadith ketiga dengan jelas menyebutkan tentang golongan gay atau homeseksual disebutkan dalam hadith sebagai perlakuan kaum Nabi Lut AS. Daripada penjelasan hadith, didapati bahawa terdapat pelbagai ancaman dan azab yang boleh dikenakan terhadap golongan yang berperlakuan demikian. Di antaranya, mereka mendapat lakinat Allah dan RasulNya, bahkan pada hadith yang ketiga, menyebutkan bahawa pelaku dan orang yang mengajak melakukan perbuatan tersebut hendaklah dijatuhkan hukum bunuh.


⁴⁹ Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar Abu al-Fadl al-'Asqalani al-Shafi'i (1984), *Tahdhib al-Tahdhib*, j. 8. Beirut: Dar al-Fikr, p. 72.

Hadis Keempat

Daripada Ibnu 'Abbas RA berkata:

لَعَنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ
وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya: "Rasulullah S.A.W melaknat
lelaki yang menyerupai perempuan
dan perempuan yang menyerupai lelaki."⁵⁰



Hadith ini terdapat di dalam karya *al-Mu'jam al-Awsat*,⁵¹ *Sunan Abi Dawud*,⁵² *Sunan Ibn Majah*,⁵³ dan *Sunan al-Tirmidhi*.⁵⁴ Al-Tabrani mengatakan bahawa hadith ini hanya diriwayatkan oleh Zakariyya daripada 'Umar. Ruh bin 'Ubada pula berseorangan diri meriwayatkan hadith ini daripada Zakariyya.⁵⁵ Al-Albani mengatakan bahawa status hadith ini adalah *sahih*.⁵⁶ Oleh yang demikian, hadith ini adalah dalam kategori *sahih*.

Golongan transgender dilaknat oleh Nabi SAW sama ada lelaki yang menyerupai wanita atau sebaliknya. Dalam hal ini, ia merujuk kepada golongan lelaki yang menyerupai wanita dari pelbagai sudut, sehingga menonjolkan seseorang lelaki itu sebagai wanita, bukan lagi sebagai lelaki. Golongan ini dikenali dengan istilah mak nyah ataupun pondan di negara kita. Manakala golongan wanita yang menyerupai lelaki juga sedemikian. Golongan wanita yang menyerupai lelaki ini dikenali sebagai tomboi atau pengkid.

⁵⁰ Hadith al-Bukhari [Kitab al-Libas, Bab (فِي لِيَاسِ النِّسَاءِ) no.hadith 5435], Abi Dawud [Kitab al-Libas, Bab (أَنَّ الْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهُونَ بِالرِّجَالِ) no.hadith 3574], Ibn Majah [Kitab al-Nikah, Bab (فِي الْمُتَخَيَّثِينَ) no.hadith 1894] dan Ahmad dalam musnadnya [no.hadith 2910 dan 2150] dengan terdapat tambahan lain pada matan iaitu (أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنِ الْوَاصِلَةِ وَالْمُؤْسِرَةِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ). Lihat al-Bukhari (1407H/1987M), op.cit., j.18, p.239, Abu Dawud (t.t), op.cit., j.11, p. 136, Ibn Majah (t.t), op.cit., j.6, p. 18, dan Ahmad bin Hanbal (t.t), op.cit., j.6, p. 434.

⁵¹ Abu al-Qasim Sulayman Bin Ahmad al-Tabrani (1415), op.cit., no. hadith 1435, j. 2, p. 117.

⁵² Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi (t.t), op.cit., Kitab al-Libas, no. hadith 4097, j. 2, p. 458.

⁵³ Muhammad Bin Yazid Abu 'Abd Allah al-Qazawayni (t.t), op.cit., Kitab al-Nikah, no. hadith 1904, j. 1, p. 614.

⁵⁴ Muhammad Bin 'Isa Abu 'Isa al-Tirmidhi al-Sulami (t.t), op.cit., Kitab al-Adab, no. hadith 2784, j. 5, p. 105.

⁵⁵ Abu al-Qasim Sulayman Bin Ahmad al-Tabrani (1415), op.cit., no. hadith 1435, j. 2, p. 117.

⁵⁶ Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi (t.t), op.cit., j. 2, p. 458.

Al-Tabari berkata, makna (لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُنَتَشِّبِهِنَّ) iaitu: tidak harus bagi lelaki untuk menyerupai wanita dari aspek pakaian dan perhiasan yang dikhkususkan untuk wanita dan sebaliknya.

Manakala Ibn Hajar menambah, demikian juga pada percakapan dan ketika berjalan (pergerakan). Bentuk atau jenis pakaian itu adalah berbeza mengikut adat dan budaya pada setiap negeri atau wilayah. Kadang kala pada suatu tempat itu, tidak dapat perbezaan yang ketara dari sudut pemakaian mereka antara lelaki dan wanita, cuma dibezakan dengan kaum wanita berhijab atau bertudung dan menutup kepala.⁵⁷ Sheikh Abu Muhammad bin Abi Hamzah berkata : Zahir lafaz hadith tersebut merupakan tegahan daripada menyerupai dalam apa jua keadaan, namun yang sering dan diketahui adalah menyerupai pada pakaian, sebahagian perwatakan, pergerakan dan sebagainya, tetapi tidak ada penyerupaan pada perkara yang baik.⁵⁸



Hadith Kelima

Daripada Ibn 'Abbas r.a berkata:

لَعْنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
الْمُنَخَّثِينَ مِنِ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجَّلَاتِ مِنِ
النِّسَاءِ وَقَالَ أَخْرِجُوهُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ
وَأَخْرَجَ فُلَانًا وَأَخْرَجَ عُمَرَ فُلَانًا

Maksudnya: "Nabi s.a.w mengutuk (melaknat) lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian, dengan sabdanya: "Keluarlah mereka daripada rumah-rumah kamu." Ibn 'Abbas menambahkan lagi: "Maka Nabi s.a.w telah mengeluarkan si fulan, dan Umar juga telah mengeluarkan si fulan."⁵⁹

⁵⁷ Al-Imam al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2001M/1321H), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari*, ditahqiqkan oleh 'Abd al-Qadir Shaybah al-Hamad, Saudi: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniyyah, j.10, p.345.

⁵⁸ ibid.p.345.

⁵⁹ Hadith riwayat al-Bukhari dalam sahihnya [Kitab al-Libas (Pakaian), Bab Menghalau Keluar Lelaki Yang Menyerupai Wanita Dari Rumah إخراج المنشبهن بالنساء من البيوت { نفع أقل المعاراض والمشبهن }], no.hadith 5436], dan [Kitab al-Hudud, Bab Manafikan Orang Yang Melakukan Maksiat dan Menyerupai Wanita إخراج المنشبهن بالنساء من البيوت { نفع أقل المعاراض والمشبهن }], no.hadith 6331], serta riwayat Ahmad dalam musnadnya [Musnad Bani Hashim, Bidayah Musnad 'Abd Allah bin Abbas r.a., no.hadith 1878]. Lihat al-Bukhari (1400H), op.cit., j.18, p. 241 dan j.11, p. 111 serta Ahmad bin Hanbal, (1421H/2001M), op.cit., j.4, p. 140.



Hadith ini adalah kesinambungan kepada hadith keempat sebelum ini yang menyebutkan bahawa Nabi SAW melaknat golongan lelaki yang menyerupai wanita atau sebaliknya. Namun, terdapat tambahan isu dalam hadith ini, di mana terdapat tindakan dan hukuman yang telah dilakukan oleh Nabi SAW terhadap golongan tersebut. Nabi SAW menetapkan bahawa tindakan yang boleh dilakukan terhadap golongan ini adalah dengan mengeluarkan mereka daripada rumah-rumah orang Islam. Bahkan, dikukuhkan lagi dengan tindakan Umar al-Khattab yang telah mengeluarkan salah seorang daripada golongan ini.

Apakah yang dimaksudkan dengan “mengeluarkan” golongan ini daripada rumah-rumah kamu? Berdasarkan kepada perbincangan ulama, maksud tersebut adalah merujuk kepada tindakan untuk menjauahkan golongan ini daripada bergaul dengan orang-orang Islam. Kemungkinan tindakan itu adalah dengan membuang daerah atau negeri di mana si fulan itu tidak boleh bergaul rapat dengan masyarakat sekeliling yang dikenalinya lagi.

Fulan yang dimaksudkan dalam hadith itu adalah seorang lelaki pondan yang sering bergaul rapat dengan wanita. Lelaki tersebut cenderung berperwatakan dan mempunyai tabiat seperti seorang wanita dengan cenderung untuk bercakap lemah lembut, mampu menceritakan gambaran wanita, berbicara dan beramah mesra serta menghabiskan waktu bersama dengan kaum wanita berbanding lelaki. Kecenderungan dan perilaku lelaki pondan sedemikian, memberi kesan yang buruk kepada wanita jika mereka terus bersama kerana ia boleh menimbulkan banyak fitnah dan menjerumuskan kepada perkara negatif.⁶⁰



⁶⁰ Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir (2000), *Sunnah Rasulullah Dari Kupasan Hadis*, (terj.) Thinker's Library, Batu Caves, Selangor: Thinker's Library, p. 176.

Hadis Keenam

Daripada Ummu Salamah:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَهَا وَفِي الْبَيْتِ مُخْتَثٌ فَقَالَ
الْمُخْتَثُ لِأَخِيهِ أَمْ سَلَمَةَ حَبِيلُ اللَّهِ بْنُ أَبِي أُمَيَّةَ إِنْ قَسَحَ اللَّهُ لِكُمْ
الطَّائِفَ عَدًا أَذْلُكَ عَلَى بُنْتِ خَيْلَانَ فَإِنَّهَا تُقْبَلُ بِأَرْبَعِ وَثَلَاثِ
بِشَمَانٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَدْخُلُنَّ هَذَا عَلَيْكُمْ⁶¹

Maksudnya: "Bahawa Nabi s.a.w berada di rumahnya dan terdapat di sebuah rumah seseorang yang berkelakuan wanita. Maka Nabi s.a.w berkata kepada saudara Ummu Salamah iaitu Abd Allah bin Abi Umayyah: "Jika Allah membebaskan Ta'if bagi kamu pada esok hari, maka akan aku tunjukkan pada kamu rumah Binti Ghaylan, yang datang dengan empat dan pergi dengan lapan anggota". Maka sabda Nabi s.a.w: "Jangan sekali-kali mereka itu masuk ke dalam rumah-rumah kamu".⁶¹

Hadith yang juga menyebutkan tentang golongan transgender, di mana pada zaman Nabi s.a.w. terdapat seorang pondan. Lalu Nabi SAW memberi amaran agar tidak membawa masuk pondan itu ke rumah-rumah orang Islam. Apa yang dimaksudkan oleh Nabi SAW adalah melarang umat Islam daripada bergaul dengan golongan ini.

Larangan Nabi SAW agar menjauhkan golongan ini daripada rumah kediaman orang-orang Islam adalah seperti mana hadith sebelum ini iaitu untuk memelihara keluarga dan menghindarkan daripada berlaku gejala yang negatif dan menimbulkan fitnah yang lebih besar. Bahkan, ketika bersama dengan golongan ini adalah sukar untuk menjamin ketulusan dalam beragama dan tidak juga boleh menjadi keselamatan daripada timbulnya fitnah.

⁶¹ Hadith riwayat al-Bukhari dalam sahihnya [Kitab al-Nikah, Bab {مَا يُنْهَى مِنْ دُخُولِ الْمُسْتَبَهِينَ بِالنِّسَاءِ عَلَى الْمَرْأَةِ}, no.hadith 4834]. Lihat al-Bukhari (1400H), op.cit., j.16, p. 262.

Hadis Ketujuh

Daripada Abu Hurairah r.a. berkata:



Maksudnya: : "Nabi s.a.w mengutuk (melaknat) lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki." ⁶²

Hadith ini terdapat di dalam karya al-Mustadrak 'Ala al-Sahihayn,⁶³ al-Mu'jam al-Awsat,⁶⁴ Sunan Abi Dawud,⁶⁵ Sunan al-Nasa'i al-Kubra,⁶⁶ Sahih Ibn Hibban,⁶⁷ dan Musnad Ahmad bin Hanbal.⁶⁸ Menurut al-Hakim, hadith ini adalah sahih dan menepati syarat Muslim.⁶⁹ Al-Albani mengatakan bahawa status hadith ini adalah sahih⁷⁰. Oleh yang demikian, hadith ini adalah berstatus sahih dan boleh dijadikan hujah di dalam hukum agama.

Hadith ini menyebutkan bahawa Nabi s.a.w turut melaknat golongan lelaki yang berpakaian wanita dan wanita yang berpakaian lelaki. Hadith ini adalah pelengkap kepada penjelasan kepada hadith sebelum ini, di mana hanya disebutkan penyerupaan menyalahi gender sahaja tetapi tidak secara khusus. Oleh itu, pada hadith ini, secara khusus Nabi s.a.w menyatakan bahawa di antara penyerupaan tersebut adalah dari sudut pemakaian.



⁶² Hadith riwayat Abu Dawud [Kitab al-Libas, Bab Pada Pakaian Wanita, no.hadith 3575] dan al-Nasa'i dalam sunannya [Kitab 'Ashrah al-Nisa', Bab { لَعْنَ الْمُتَرَجِّحَاتِ مِنِ النِّسَاءِ }], no.hadith 9253]. Lihat Abu Dawud (1424H), op.cit., j.11, p. 137 dan Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'aib bin 'Ali al-Nasa'i (1417H), Sunan al-Nasa'i, al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawz'i', j.5, p.397.

⁶³ Muhammad Bin 'Abd Allah Abu 'Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi (1990), op.cit., Kitab al-Libas, no. hadith 7415, j. 4, p. 215.

⁶⁴ Abu al-Qasim Sulayman Bin Ahmad al-Tabrani (1415), op.cit., no. hadith 984, j. 1, p. 296.

⁶⁵ Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi (t.t.), op.cit., Kitab al-Libas, no. hadith 4098, j. 2, p. 458.

⁶⁶ Ahmad Bin Shu'ayb Abu 'Abd al-Rahman al-Nasa'i (1991), op.cit., Kitab al-Siyar, no. hadith 9253, j. 5, p. 397.

⁶⁷ Muhammad Bin Hibban Bin Ahmad Abu Hatim al-Tamimi al-Busti (1993), op.cit., Kitab al-Hazr Wa al-Ibahah, no. hadith 5751, j. 13, p. 62.

⁶⁸ Ahmad Bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Shaybani (t.t.), op.cit., no. hadith 8292, j. 2, p. 325.

⁶⁹ Muhammad Bin 'Abd Allah Abu 'Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi (1990), op.cit., Kitab al-Libas, no. hadith 7415, j. 4, p. 215.

⁷⁰ Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi (t.t.), op.cit., Kitab al-Libas, no. hadith 4098, j. 2, p. 458.

INTIPATI PERBAHASAN

Setelah pengkaji meneliti takhrif, matan dan status hadith, maka dapatlah dirumuskan bahawa kesemua 7 buah hadith yang dikemukakan dalam kajian ini adalah bertaraf sahih. Daripada 7 buah hadith sahih tersebut, 3 daripadanya (*hadith pertama, hadith kedua dan hadith ketiga*) menyentuh tentang perlakuan gay dan lesbian, manakala 4 daripadanya (*hadith keempat, hadith kelima, hadith keenam dan hadith ketujuh*) menyentuh mengenai perlakuan transgender. Berdasarkan pandangan ulama bahawa hadith sahih dapat dijadikan hujah agama, maka kesemua hadith yang sahih jelas melarang perlakuan LGBT yang ternyata mengundang kemurkaan Allah SWT dan lagnat oleh Nabi SAW.

Ilmuwan dan pengamal LGBT Muslim semestinya menginsafi, bahawa segala persepsi mereka kononnya Nabi s.a.w. tidak pernah mengeluarkan hadith yang melarang perlakuan LGBT adalah salah. Bahkan Nabi s.a.w. sekali-kali tidak akan berkompromi dengan perlakuan yang jelas dikeji dan dilarang oleh Allah SWT. Apatah lagi perihal perlakuan dan azab yang menimpa umat Nabi Lut a.s. dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an sebanyak 18 kali, meliputi kisah Nabi Lut a.s. dan kaumnya serta petunjuk mengenai perlakuan keji umat Nabi Lut a.s.⁷¹

Berkenaan larangan perlakuan transgender, adalah thabit dari hadith sahih yang telah dikemukakan sebelum ini, kerana ternyata golongan ini telah wujud pada zaman Nabi SAW dan bagaimana petunjuk yang diberikan oleh Baginda dalam menangani mereka.

Justeru, apa yang dinyatakan oleh Muhsin Hendricks mengenai sifat hadith Nabi SAW yang dikatakan tidak konsisten dan tidak melambangkan keperibadian Nabi SAW, yang hanya semata-mata menampilkan pendekatan berkasih sayang semata-mata dan tidak tegas terhadap perbuatan mungkar adalah tertolak sama sekali. Bahkan, imej beliau sebagai Imam di Cape Town, Afrika Selatan yang secara jelas mengisyiharkan dirinya sebagai seorang gay setelah 60 hari berpuasa, adalah sesuatu yang sangat mencemarkan imej Islam. Ia sama sekali tidak mewakili imej Islam, yang tidak membenarkan perlakuan homoseksual.⁷²

⁷¹ Solah al-Khalidi, 2007. *al-Qasas al-Qur'ani 'Ardu Waqa'i' wa Tahlil Ahdat*, jil. 1, Damsyiq : Dar al-Qalam. p. 473.

⁷² op.cit. Bjorn Krondorfer *Diversity of Sexuality in Islam*. p.2.

KESIMPULAN

Adalah diharapkan bahawa dengan dapatan kajian berkenaan hadith Nabi SAW yang melarang perlakuan LGBT, dapat menepis segala persepsi salah di kalangan ilmuan dan pengamal LGBT Muslim yang mendokong perlakuan songsang ini. Ia seterusnya dapat dijadikan panduan dalam membimbing golongan ini dalam menyedarkan mereka, bahawa apa yang difahami dan dilakukan oleh mereka adalah salah di sisi agama.

Kebimbangan terhadap azab Allah yang ditimpakan kepada umat Nabi Lut a.s. seharusnya dijadikan panduan dan renungan agar perlakuan LGBT dijauhi sama sekali. Bahkan hadith-hadith yang telah dibincangkan sebelum ini perlu disebarluaskan dalam menangani perlakuan LGBT yang semakin berleluasa khususnya di kalangan Muslim. Ia sekaligus menobatkan hadith adalah sentiasa relevan dan signifikan dalam menjadi sumber hukum Islam yang kedua dalam melarang perlakuan LGBT selepas al-Qur'an.

RUJUKAN

- 'Abd Allah Bin 'Ali Bin al-Jarud Abu Muhammad al-Naysaburi. 1988. *al-Muntaqa Min al-Sunan al-Musannadah*. Bayrut: Mu'assasah al-Kitab al-Thaqafiyyah.
- 'Abd Allah Bin al-Zubayr Abu Bakr al-Humaydi. t.t. *Musnad al-Humaydi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Abd al-Rauf al-Manawi. 1356H. *Fayd al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir*. Misr: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- 'Abd al-Rahman Bin Abi Abi Hatim Muhammad Bin Idris Abu Muhammad al-Razi. 1952. *al-Jarh Wa al-Ta'dil*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- 'Abdun Bin Humyad Bin Nasr Abu Muhammad al-Kassi. 1988. *al-Muntakhab Min Musnad 'Abdun Bin Humayd*. al-Qahirah: Maktabah al-Sunnah.
- 'Ali Bin 'Umar Abu al-Hasan al-Daraqutni al-Baghdadi. 1966. *Sunan al-Daraqutni*. Bayrut: Dar al-Ma'rifap.
- 'Ali Bin Hisam al-Din al-Muttaqi al-Hindi. 1989. *Kanz al-'Ummal Fi Sunan al-Aqwal Wa al-Af'al*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- A. Jamal, 2001. *The Story of Lot and the Qur'an's Perception of the Morality of Same-sex Sexuality*. UK : Journal of Homosexuality 41 (1).
- Abdul Hayei Abdul Sukor, 2003. *Islam Dalam Sabda*. Kuala Lumpur : Al-Amani Publishers
- Abdul Mustaqim, 2011. *Kisah al-Qur'an : Hakikat, Makna dan Nilai-Nilai Pendidikannya*. Yogyakarta. Jurnal Ulumuna, Volume XV, Bil.2.
- Abdur Rahman I. Doi, 1995. *Undang-Undang Syariah* diterjemah oleh Rohani Abdul Rahim. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu al-Qasim Sulayman Bin Ahmad al-Tabrani. 1415H. *al-Mu'jam al-Awsat*. al-Qahirah: Dar al-Haramayn.
- Abu Bakr 'Abd Allah Bin Muhammad Abi Shaybah al-Kufi. 1409H. *al-Musannaf Fi al-Ahadith Wa al-'Athar*. al-Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Abu Bakr Ahmad Bin al-Husayn Bin 'Ali al-Bayhaqi. 1344H. *al-Sunan al-Kubra Wa Fi Dhaylihi al-Jawhar al-Naqi*. Hayder 'Abad: Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah al-Ka'inah Fi al-Hind.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'at al-Sajastani al-Azdi. 1424H. *Sunan Abi Dawud*. al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawz'i.
- Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. 1995. *Jam' al-Bayan 'an Ta'wil Ayat al-Qur'an*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Abu Ya'la, Ahmad bin 'Ali bin al-Muthanna Abu Ya'la al-Mawsili al-Tamimi 1404H/1984. *Musnad Abi Ya'la*. Ditahqiqkan oleh Husain bin Salim Asad, Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Ahmad Bin 'Ali Bin al-Muthanna Abu Ya'la al-Mawsili al-Tamimi. 1984. *Musnad Abi Ya'la*. Dimashq: Dar al-Ma'mun Li al-Turath.
- Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar Abu al-Fadl al-'Asqalani al-Shafi'i. 1984. *Tahdhib al-Tahdhib*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar Abu al-Fadl al-'Asqalani al-Shafi'i. 1986. *Taqrib al-Tahdhib*. Suriyah: Dar al-Rashid.
- Ahmad Bin 'Amru Bin al-Dahhak Abu Bakr al-Shaybani. 1991. *Al-'Ahad Wa al-Mathani*. al-Riyad: Dar al-Rayah.
- Ahmad Bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Shaybani. t.t. *Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal*. al-Qahirah: Mu'assasah Qurtubah.
- Ahmad Bin Shu'ayb Abu 'Abd al-Rahman al-Nasa'i. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra, Kitab al-Rajm*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

RUJUKAN

- Al-Harith Bin Abi Usamah dan al-Hafiz Nur al-Din al-Haythami. 1992. *Bughiyyah al-Bahith 'An Zawa'id Musnad al-Harith*. Al-Madinah al-Munawwarah.
- al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'aib bin 'Ali al-Nasa'i. 1417H. *Sunan al-Nasa'i*.
al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husain al- (1410H), *Shu'ab al-Iman*.
Ditahqiqkan oleh Muhammad al-Sa'id Basyuni Zaghlul, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alami.
- Bjorn Krondorfer. 2011. *Diversity of Sexuality in Islam*.
- Blanch Consulting. 2003. *Definition of LGBT*. Sagepub UK : Journal of Homosexuality.
- Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi. 1400H. *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW wa Sunanah wa Ayyamih*. al-Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Hekma. 2002. *Imams and Homosexuality : A Post Gay Debate in the Netherlands*.
UK : Journal of Sexualities 5 (2).
- Ibn Abi Shaybah, Abu Bakr 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi Shaybah al-Kufi. 1409H.
al-Musannif fi al-Ahadith al-Athar. Ditahqiqkan oleh Kamal Yusuf al-Hut, al-Riyad: Maktabah al-Rasyd.
- Ibn Hajar, Al-Imam al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani. 2001. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari*, ditahqiqkan oleh 'Abd al-Qadir Shaybah al-Hamad,
Saudi: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniiyah.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini. 1417H. *Sunan Ibn Majah*.
al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Khattabi, Abu Sulayman Hamad bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Khattab al-Busti al- 1351H/1932.
Ma'alim al-Sunan. Halab: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah.
- Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir. 2000. *Sunnah Rasulullah Dari Kupasan Hadis*, (terj.)
Thinker's Library, Batu Caves, Selangor: Thinker's Library.
- Malik. 2004. *Queer Sexuality and Identity in the Quran and Hadip*.
URL: <http://www.well.com/user/aquarius/Qurannotes.htm>.
- Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-, 1967. *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Muhammad Bin 'Abd Allah Abu 'Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi. 1990. *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihayn*.
Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Bin 'Isa Abu 'Isa al-Tirmidhi al-Sulami. t.t. *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Hudud*.
Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Dhahabi. 2011. *Dosa-Dosa Besar* terj. oleh Syed Ahmad Semait.
Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Muhammad Bin Hibban Bin Ahmad Abu Hatim al-Tamimi al-Busti. 1993. *Sahih Ibn Hibban Bi Tartib Ibn Bilban*.
Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani. t.t.. *al-Silsilah al-Da'ifah*. al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani. t.t.. *Sahih Wa Da'if al-Jami' al-Saghir Wa Ziyadatuh*.
T.t.p: al-Maktabah al-Islami.
- Muhsin Hendricks. 2010. *The Equal Rights Review*, Vol.Five.

RUJUKAN

- Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi. 2000. *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mustafa Abdul Rahman. 2008. *Hadith 40 : Terjemahan dan Syarahnya*. Selangor : Dewan Pustaka Fajar.
- M Sharur. 2009. *The Quran Morality and Critical Reason : The Essential Muhammad Shahrur*. Translation and ed. By A. Christmann. Leiden:Brill.
- Nur al-Din 'Ali Bin Abi Bakr al-Haythami. 1412H. *Majma' al-Zawa'id Wa Manba' al-Fawa'id*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- O.Nahas, 2004. *Islamic Studies on Homosexuality*. URL : http://www.yoesuf.nl/engels/islamic_studies.html
- Sanadi, Muhammad bin 'Abd al-Hadi al-, t.t. *Hashiyah al-Sanadi 'ala Sunan Ibn Majah (Kifayah al-Hajah fi Sharh Sunan Ibn Majah)*. Beirut: Dar al-Jalil.
- Solah al-Khalidi. 2007. *al-Qasas al-Qur'ani 'Ardu Waqa'i' wa Tahlil Ahdat*. Jil.1, Damsyiq : Dar al-Qalam.
- Sulayman Bin Ahmad Bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabrani. 1983. *al-Mu'jam al-Kabir*. al-Musil: Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam.
- Sulayman Bin Ahmad Bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabrani. 1985. *al-Rawd al-Dani al-Mu'jam al-Saghir*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi. t.t., *Sunan Abi Dawud*. T.t.p.: Dar al-Fikr.
- Tabarani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-, 1415H. *al-Mu'jam al-Awsat*. Ditahqiqkan oleh Tariq bin 'Aud Allah bin Muhammad dan 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini, al-Qahirah: Dar al-Haramain,
- Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-, 1417H. *Sunan al-Tirmidhi*. Ditahqiqkan oleh Muhammad Nasir al-Din al-Albani al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Yusuf Bin al-Zaki 'Abd al-Rahman Abu al-Hujjaj al-Mizzi. 1980. *Tahdhib al-Kamal*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.

SENARAI PENULIS

Mohd Izwan bin Md Yusof
Calon Doktor Falsafah,
Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan Al- Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
jayabumi04@yahoo.com

Muhd. Najib bin Abdul Kadir. PhD. Profesor
Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan Al- Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
abunaseh@ukm.my

Mazlan bin Ibrahim. PhD. Profesor Madya
Jabatan Usuluddin dan Falsafah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
mazib@ukm.my

Khader bin Ahmad. PhD.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya
[khadher82@um.edu.my.](mailto:khadher82@um.edu.my)

Murshidi bin Mohd Noor. PhD.
Pensyarah Kanan,
Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Kedah.
kap6994_murshid@yahoo.com

NOTA